

KE ARAH MENDIDIK MASYARAKAT TERHADAP PENGUNAAN INTERNET SEBAGAI SUMBER ILMU PENGETAHUAN

Abad ke 21 merupakan era pengetahuan dan teknologi maklumat. Sebelum ini kuasa-kuasa besar di dunia sering dikaitkan dengan pegangan ekonomi dan kuasa ketenteraan tetapi di abad ini trend itu akan berubah. Negara yang menguasai teknologi maklumat dan komunikasi bakal akan menerajui dunia. Tepat sekali hasrat Perdana Menteri kita untuk menjadi negara maju berasaskan keupayaan teknologi maklumat dengan penubuhan Cyberjaya Multimedia Super Corridor. Walaupun begitu masyarakat perlu dididik mengenai etika dan tatacara penggunaan internet.

Kes melibatkan penyebaran fitnah Siti Nurhaliza, gambar-gambar berunsur lucah Linda Rafar umpamanya merupakan penyalahgunaan internet secara tidak bermoral. Dari segi aspek yang lain jenayah internet juga berlaku apabila penerimaan wang haram dari sumber yang tidak diketahui seperti yang berlaku kepada Dr Hamimah Idrus yang melibatkan sejumlah wang RM41.33 juta. Begitu juga mengenai fitnah-fitnah yang melibatkan ahli politik dan orang kenamaan di negara kita. Masyarakat Malaysia tidak perlu disajikan dengan isu remeh temeh sebegini kerana ianya hanya merugikan negara.

Menurut perangkaan yang dikeluarkan oleh “internetworldstatistics” pada tahun 2003 Malaysia merupakan negara ke 19 pengguna internet tertinggi di dunia dan hanya 2.2% daripada 88.5% negara Islam telah menggunakan internet secara aktif. Internet merupakan satu mekanisme maklumat yang berprestasi tinggi untuk dimanipulasikan samada secara rasional atau tidak bermoral. Internet berupaya membentuk masyarakat, memberi acuan baru kepada sektor perdagangan dan perniagaan, mekanisme pendidikan yang bersifat fleksibel dan sebagainya Ia menghidangkan pelbagai jenis maklumat yang berunsur positif dan negatif. Malangnya pengguna lebih tertarik kepada laman web yang lebih bersifat hiburan dan meracuni pemikiran.

Masyarakat harus dididik bagi membendung masalah penggunaan internet secara tidak betul dan tidak menepati syariat.. Satu subjek pendidikan mengenai internet dan etika perlu dilaksanakan diperingkat sekolah. Pelajar-pelajar perlu didedahkan dan dibimbing mengenai cara penggunaan internet sebagai alat untuk menambahkan ilmu pengetahuan. Di samping itu tindakan yang tegas perlu di ambil terhadap agen-agen perosak yang cuba menyebarkan unsur-unsur negatif di dalam internet terhadap masyarakat. Mekanisma perundangan yang sedia ada perlu dikuatkuasakan dengan lebih efisien bagi langkah pencegahan terhadap jenayah siber dan penyalahgunaan internet.

Selain daripada itu, setiap ibubapa perlu membuat peraturan-peraturan mengenai penggunaan internet di rumah. Ini memandangkan pengguna internet kebanyakannya terdiri dari remaja yang masanya banyak dihabiskan di rumah. Ibumama perlu memantau kegiatan anak-anak dan memastikan yang mereka tidak terlibat dengan laman web yang berunsur negatif dan merosakkan pemikiran. Statistik menunjukkan di antara faktor peningkatan jenayah seksual pada masa kini adalah kerana melayari laman web lucah.

ZULKIFLI HASAN.